# Kejayaan Musa kehendak ahli2 UMNO — Dr. M

(P)

UM 20 MAY 1984

KUALA LUMPUR 25 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan kejayaan Datuk Musa Hitam mempertahankan jawatan Timbalan Presiden sebagai satu keputusan jelas yang membayangkan kehendak ahli-ahli UMNO scndiri.

Presiden UMNO itu yang diminta mengulas terhadap kemungkinan timbul rasa tidak puas hati di kalangan pihak tertentu terhadap keputusan itu berkata, "ia adalah satu majoriti yang jelas."

"Ini yang penting. Soal angka majoriti sebenar tidak harus diambil kira. Ahli-ahli UMNO telah membuat keputusan mereka dan memberikan keputusan itu dengan jelas."

Beliau yang ditemui oleh para wartawan selepas pengumuman keputusan pemilihan jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden UMNO malam ini berkata keputusan yang dicapai semalamnya sudah dijangkakan oleh kebanyakan orang.

"Saya sendiri sebelum ini merasakan itulah keputusan yang besar kemungkinan dicapai," katanya secara terus terang ketika diminta mengulas sama ada beliau menjangkakan keputusan seumpama itu.

Presiden UMNO itu bagaimanapun enggan mengulas seperti yang disoalkan mengenai kedudukan Tengku Razaleigh dalam kerajaan dan parti.

Setelah ditanya bertalu-talu Datuk Sri Dr. Mahathir hanya berkata beliau belum menemui Tengku Razaleigh lagi dan bertanyakan soal itu dan ini adalah perkara serius yang perlu difikir dengan teliti.

Disoal mengenai kemungkinan kedudukan UMNO Kelantan tergugat berikutan kekalahan Tengku Razaleigh dan juga Tengku Ahmad Rithauddeen bagi jawatan Naib Presiden, beliau berkata: "Saya tidak fikir begitu. UMNO Kelantan adalah kukuh."

Menurutnya kedua-dua tokoh itu dapat terus berkhidmat sekalipun bukan dalam Majlis Tertinggi tetapi dalam bentuk lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga enggan mengulas mengenai kemungkinan rombakan kabinet. "Tentulah bila ada sesuatu perkara berlaku kita perlu buat satu-satu pengumuman. Itu biasa sahaja," katanya tanpa menyebut bile.

Beliau juga menganggap keputusan yang dicapai itu mengesahkan pendiriannya supaya tidak ada pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO." Saya akan berkata begitu juga jika orang lain yang mempertahankan jawatan itu," ujarnya.

Beliau mengulangi kenyataan bahawa apa Yang diperkatakannya sebelum ini tidak bermaksud memihak kepada Datuk Musa tetapi cuma menyampaikan Pandangan agar tidak ada pertandingan bagi jawatan itu.

Ditanya sama ada pertandingan ilu bermaksud ramai yang menerima nasihat beliau berkata "nyata ramai yang tidak mahu. Hakikatnya sekarang majoriti memutuskan menyokong orang Yang mempertahankan jawatan ilu."

Beliau juga mendlaki [illegible] kemungkinan akan timbul unsur negatif nkibat kekalahan Tengku Razaleigh. Katanya, "kalau Tengku Razaleigh tidak kalah ada orang lain kalah."

Diminta mengulas keputusan barisan Naib Presiden beliau berkata ia jelas menunjukkan ahli-ahli UMNO mahukan orang dari anggota kerajaan dan yang berpengalaman." Katanya "sebab itu Encik Ghafar menang."

Mengenai kemenangan Datuk Abdullah, beliau berkata sekalipun tokoh itu baru tetapi beliau juga menteri dari seorang anggota kerajaan.

Beliau juga secara berjenaka menolak nnggopnn bahawa kemenangan Datuk Sri Amar Haji Wan Mokhtar kerana beliau "calon Menteri-Menteri Besar." Beliau wakil UMNO ᑎd ᑯᑐ cuma kebetulan seorang Menteri Besar.

Presiden UMNO itu juga menasihatkan para ahli UMNO berpadu semula sebagai satu ahli parti. Pertandingan ini adalah di antara individu dan di antara pihak-pihak dalam parti. Selepas ini kita berpadu semula. Saya harap semua pihak menerima nasihat saya.

Kepada yang kalah beliau berkata, "mereka patut sekali memberi khidmat kepada parti dan menunjukkan kesetiaan. Memang adat pertandingan ada yang kalah ada Yang menang."

Mengenai yang menang, "mereka patut lupakan segala perasaan perlawanan dan kepahitan yang dilalui sebelum ini."

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Abdul Rahim Tamby Chik mensifatkan kemenangan Datuk Musa Hitam dalam pemilihan Timbalan Presiden UMNO hari ini sebagai penyataan sokongan pada ahli-ahli parti kepada pimpinan Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Keputusan para perwakilan telah diketahui dan ia tidak boleh diragukan lagi," tegas beliau.